

Hubungan dua hala tak akan tergugat — PM

18 DEC 2007

SUBANG 17 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia tidak akan terjejas selepas Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) hari ini memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan adalah milik Malaysia.

Sambil melahirkan rasa teramat gembira dan bersyukur dengan keputusan tersebut, Perdana Menteri berkata, ini kerana kedua-dua negara telah bersetuju untuk menerima apa sahaja keputusan ICJ dalam soal tuntutan tersebut.

“Saya tidak fikir (hubungan kedua-dua negara akan terjejas) kerana kedua-dua pihak bersetuju untuk serah kepada ICJ.

“Dengan persetujuan itu bermakna kita sanggup terima apa sahaja keputusan. Mungkin keputusan itu tidak memihak kepada kita.

“Kalau tidak memihak kepada kita pun kita terimalah,” katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan dua hari ke Jepun di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini, malam ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai keputusan ICJ berhubung kes tuntutan ke atas kedua-dua pulau berkenaan yang sebelum itu telah berlarutan sejak 33 tahun lalu.

Mahkamah yang terletak di The Hague, Belanda

itu membuat keputusan 16:1 yang memihak kepada Malaysia berdasarkan bahawa kedua-dua pulau berkenaan sememangnya berada di bawah kawalan dan pentadbiran negara ini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan merasa gembira dengan keputusan mahkamah antarabangsa itu kerana sejak awal lagi ia berpendapat bahawa kedua-dua pulau tersebut sememangnya milik negara ini.

Malah katanya, kerajaan mempunyai keterangan yang mencukupi bagi membuktikan perkara tersebut.

Walaupun demikian kata Dr. Mahathir, kerajaan tetap bersedia menyerahkan isu pertindihan tuntutan tersebut untuk didengar oleh ICJ kerana kemungkinan Indonesia mempunyai bukti-bukti tertentu berhubung tuntutan mereka.

Beliau berkata, meskipun soal tuntutan itu terpaksa diputuskan melalui mahkamah antarabangsa itu, namun kerajaan tetap yakin bahawa keputusan kes tersebut akan memihak kepada negara ini.

“Kita bersyukur akhirnya masalah ini dapat diputuskan secara aman,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berharap selepas ini tidak akan ada lagi mana-mana pihak yang akan membuat tuntutan ke atas pulau-pulau berkenaan.